

# PMR SEJARAH

## TINGKATAN 1 BAB 1 SEJARAH DAN KITA

### 1. Pengertian/Maksud Sejarah diberi oleh:

Ibn Khaldun	- perabadian, perubahan, sifat-sifat masyarakat manusia.
Herodotus	- penceritaan tindakan manusia dan sebab mereka melakukannya
Mohd Yusof Ibrahim	- catatan atau rekod peristiwa masa lalu

### 2. Sumber Sejarah (perlu dibuat taksiran, pemilihan, pertimbangan / penilaian dan penyelidikan saintifik untuk membuktikan kebenaran/kesahihan)

Ciri-ciri sejarah	Contoh
Tepat dan benar	Mengistiharaan Putrajaya sebagai Wilayah Persekutuan.
Penting dan bermakna	sambutan Hari Kemerdekaan
Sebab dan akibat	Sebab-sebab kemasukan imigran Cina / India

### 4. Sumber Pertama / primer memberi gambaran tentang perabadian sesebuah masyarakat.(bersifat asli dan belum diolah)

- artifak / monumen** / bahan ciptaan tinggalan sejarah terdapat di **Tapak Bandar Kedah Tua dan Candi Lembah Bujang**.
- manuskrip, surat khabar sezaman (disimpan di **Arkib Negara**)
- batu bersurat di Kuala Terengganu ( menunjukkan tarikh kedatangan Islam dan penemuan tembaga purba pada kurun ke-13 dengan tulisan al-Quran)
- catatan asal, dairi / buku harian, surat peribadi, minit-minit mesyuarat dan fail rasmi kerajaan.

### 5. Sumber Kedua / sekunder (fakta yang telah **diolah** / diterbitkan)

- Laporan, majalah, jurnal, **risalah**, kajian dan ensiklopedia, buku.

### 6. Kaedah mendapat sumber sejarah

i.	Kaedah <b>LISAN</b> (temubual, ucapan, cerita/pengisahan)	tiada kebenaran atau <b>kesahihan diragui</b> kerana <b>ditokok tambah</b> dengan sastera rakyat seperti <b>mitos, dongeng, lagenda</b> dan puisi.
ii.	Kaedah <b>BERTULIS / Catatan</b>	penulisan ahli sejarah dahulu seperti manuskrip.
iii.	Kaedah <b>ARKEOLOGI</b> (cari gali)	Sumber sebenar, seperti: fosil, batu bersurat dan artifak di gua.

### 7. Faedah mempelajari sejarah ialah

- memberi iktibar / perangsang.
- menjadi berwawasan
- mempertahankan kedaulatan negara
- membentuk keperibadian negara
- dapat melahirkan perasaan **jati diri tinggi** / patriotisme
- menggelakkan kita mengulangi kesilapan masa lalu

## TINGKATAN 1 BAB 2 ZAMAN PRASEJARAH

### 1. Kajian sejarah penting untuk :

- |                     |   |
|---------------------|---|
| - Mengenal budaya   | - Menghargai khazanah                   |
| - Menerokai tamadun | - Memupuk perasaan cinta kepada negara. |

Zaman	Ciri-ciri
a. Paleolitik	mempunyai <b>peralatan batu</b> , kubur lama, lukisan lama di <b>Gua Niah</b> di Sarawak, <b>Bukit Jawa</b> , <b>Kota Tampan</b> dan Manusia Perak di Gua Gunung Runtuh di Perak, <b>Tingkayu</b> di Sabah. Hidup <b>berpindah-randah</b> (Nomad) dan memungut hasil hutan. Alat penetak untuk menetak pokok dan alat genggam untuk memotong daging. Alat repihan untuk meraut dan memotong daging.
b. Neolitik	Kemajuan dalam penciptaan <b>barang perhiasan</b> seperti kalung, anting-anting dan gelang di <b>Gua Cha</b> , <b>Kelantan</b> , <b>peralatan tembikar di Bukit Tengkorak</b> , berdagang secara tukar barang <b>berdagang</b> (Sistem Barter). Hidup menetap (bercucuk tanam dan penternakan). Alat batu seperti <b>beliung</b> (untuk mengetam kayu dan menggali tanah) dan pemukul kulit kayu (untuk meleperkan dan menghaluskan kulit kayu).
c. Logam	<b>peralatan logam</b> (gangsa / besi) dan mula <b>berdagang</b> (pelabuhan / sungai) ditemui di <b>Gua Harimau</b> (Perak), Changkat Menteri (Perak), <b>Sungai Tembeling</b> (Pahang)( <b>kapak dan mata lembing</b> ). Hidup menetap(bercucuk tanam dan penternakan). Pengebumian menggunakan kepingan batu mempunyai adat resam dan kepercayaan tertentu.

### 3. Kepercayaan Anisme- setiap benda seperti batu dan pokok mempunyai semangat - diamalkan oleh masyarakat Zaman Prasejarah

## TINGKATAN 1 BAB 3 KERAJAAN AWAL DI ASIA TENGGARA

### 1. Pelabuhan Awal (entreport ) menjadi orang tengah / Kerajaan Awal / Maritim (tertumpu di muara sungai / mahir membina kapal / menguasai ilmu pelayaran / pusat perdagangan/ pengumpulan).

- Kedah Tua dan Chih Tu** di Tanah Melayu, Kuala Selinsing, Santubong, Srivijaya, **Majapahit** maju sebagai pelabuhan antarabangsa kerana **keberkesanan pentadbiran** yang sistematik.
- tiada pengeluaran hasil tempatan / **tiada tanah subur** atau hasil bumi.
- dipengaruhi **agama Hindu - Buddha** melalui kegiatan perdagangan.
- Penemuan manik, duit perak, barangan kaca di Lembah Bujang, Kedah Tua adalah bukti wujud pelabuhan entrepot / perdagangan.
- Gunung Jerai menjadi **panduan / penunjuk arah** kepada pedagang untuk singgah di Pelabuhan Sungai Mas dan Lembah Bujang, Kedah Tua.

### 2. a) Palembang, Majapahit dan Melaka

- berkembang menjadi pusat perdagangan dan menguasai jalan perdagangan India-China
- pentadbiran yang sistematik

- b) **Majapahit** - mengamalkan konsep Devaraja
  - diasaskan oleh Raden Wijaya
  - menerima pengaruh Hindu-Buddha
  - berasaskan undang-undang Manu
- c) **Palembang** - mencapai kegemilangan semasa pemerintahan Hayam Wuruk dan dibantu oleh Patih Gajah Muda.

### 3. Srivijaya berkembang

- a. menyebarkan agama Hindu ke Chih Tu, Champa, Angkor dan Majapahit
- b. mendapat bahan mentah seperti rempah-ratus **secara peluasan / penaklukan** (menguasai laluan perdagangan) dan **berhubung dengan penduduk di pedalaman**
- c. mempunyai pentadbiran diraja berkuasa mutlak, tentera dan daerah yang cekap dan pemimpin yang berwibawa.
- d. menguasai perdagangan di Selat Melaka, Selat Sunda dan Laut Jawa dengan menakluk kerajaan-kerajaan lain.

### 4. Kerajaan Agaria (negara pertanian dan penternakan)

- i. seperti Angkor dan Funan di pedalaman sekitar Tasik Tonle Sap. Terdapat pengairan dan empangan / kolam air / baray.
- ii. Raja Funan pertama, Raja Kaundi digelar Kurung Bernam (simbol kekuasaan).
- iii. menerima pengaruh agama Hindu-Buddha (seperti pembinaan pusat agama Angkor Wat di Funan).

## TINGKATAN 1    BAB 4 PENGASASAN KESULTANAN MELAYU

### 1. Asal Usul Nama Melaka

	Bahasa	Nama Melaka	Maksud	Sumber
a.	Arab	Mulaqah/Malakat	pertemuan/perhimpunan segala dagang	Perdagang Arab (Mitos Hindus)
b.	Sanskrit	Amalaka	pokok Melaka	Sejarah Melayu (menceritakan pelanduk menendang anjing buruan.)

### 2. Keazaman Parameswara membentuk Kerajaan sendiri (membentuk Kerajaan Berdaulat)

- i. cuba membebaskan Palembang dari Majapahit dan melarikan diri ke Temasik akibat diserang oleh Majapahit.(ancaman kuasa luar)
- ii. Diselamatkan oleh Temagi, pemerintah Temasik tetapi membunuh Temagi, kerana hendak menjadi pemerintah Temasik. Temasik berpotensi maju kerana kedudukan strategik. Parameswara mendakwa Temasik pernah menjadi naungan Palembang. Parameswara melarikan diri ke Muar kemudian Melaka kerana dikejar Siam akibat membunuh Temagi (pegawai Siam).

#### iii. Panjajahan Parameswara

Palembang → Temasik → Muar → Sening Ujung → Bentam → Melaka

- iv. Dibantu oleh Orang Laut-menjaga keselamatan Selat Melaka. (merupakan pahlawan, memiliki semangat taat setia, pendayung yang handal dan mahir membuat senjata) yang berasal dari Bentan, Temasik dan Lingga (mengikut laporan **Tome Pires**)

### 3. Kemajuan Kesultanan Melaka - daripada perkampungan nelayan menjadi pelabuhan entrepot / antarabangsa. Tumpuan pelbagai pedagang asing / Terdapat pelbagai bahasa dipertuturkan/ Pelbagai matawang digunakan / Sesak dengan kapal kerana:

- a. Keberkesanan / **kecekapan sistem pentadbiran** / kepimpinan / kebijaksanaan pemerintah/ kewibawaan dan berwawasan / sistem pemerintahan teratur / Angkatan tentera yang kuat.
  - b. menghantar ufti kepada Siam untuk **mengelakkan ancaman**.
  - c. **kemudahan urusanniaga** dan pelabuhan menyimpan barang, mengumpul hasil keluaran perdagangan, tenaga kerja dan bekalan air bersih dan makanan..
  - d. cukai **berpatutan (keutamaan)**
    - pedagang Cina tidak perlu membayar cukai sebaliknya memberi hadiah dan pedagang India membayar 6% cukai manakala pedagang Arab 3% (berdasarkan hubungan antara pemerintah).
  - e. pengeluaran **surat kebenaran** untuk **berurus niaga** kepada pedagang (surat ini memudahkan urusan perdagangan dan memberi **sumber pendapatan** kepada kerajaan Melaka).
  - f. **angkatan laut yang kuat / pahlawan (orang laut / orang Selat)** untuk **menjamin keamanan/ keselamatan perairan Selat Melaka. Pembuat senjata dan pendayung yang handal.**
  - g. beras diimport masuk dari Siam ke Melaka tanpa cukai untuk menampung keperluan makanan / penduduk.
  - h. **kedudukan geografi yang strategik membawa kemajuan dan pengasasan kerajaan Melaka.**
    - bukit-bukau sesuai untuk **panduan kapal** dan sebagai **kubu pertahanan**
    - terdpt **pokok api-api & pokok bakau – benteng ketahanan** semula jadi (**kesyukuran** daripada Tuhan)
    - laut yang dalam dan pantai terlindung (tetapi tiada tanah subur atau hasil laut).
  - i. Kesan **hubungan diplomatik dengan China** akibat lawatan Laksamana Yin Ching dan Cheng Ho (**Melaka dilindungi/keselamatan terjamin** / Pengiktirafan daripada Negara China / penghantaran ufti ditamatkan dan Melaka bebas daripada ancaman Siam dan Majapahit. Negera China mendapat **perdagangan** luas. (Sultan **berfikiran strategik** mengadakan hubungan dengan Negara China )
  - j. Mengubal **Undang-undang** Laut yang berkesan untuk menjaga **keamanan**.
4. Jong - mengangkut barang dari kapal pedagang ke daratan.

5.

Pembesar Melaka	Tugas	Kawasan Pegangan / Pemakanan / Percukaian diberi kepada pembesar untuk mendapat sokongan Taat Setia kepada Sultan (mengukuhkan kedudukan Sultan) (membolehkan pembesar memungut cukai )
(a) <b>Bendahara</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pemangku Sultan/Perdana Menteri</li> <li>- Penasihat Raja</li> <li>- Ketua Hakim</li> <li>- Ketua Angkatan Perang</li> </ul>	Muar dan Bentan
(b) <b>Bendahari</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Urusetia Istana</li> <li>- memungut hasil/ufti</li> <li>- Ketua Syahbandar</li> </ul>	Sening Ujung dan Kampar

(c) <b>Temenggung</b>	- Ketua Polis/Hakim darat - Ketua Protokol Istana	
(d) <b>Laksamana</b>	- Ketua Angkatan Laut - Ketua Duta/Utusan - Pengawal Peribadi Raja	Temasik
(e) <b>Syahbandar</b>	- Urus cukai/Hakim pelabuhan - Keselamatan pedagang/mengawal pasar dan gudang - Mengawal sistem timbangan	
(f) <b>Sultan</b>	- Ketua angkatan tentera - Ketua agama Islam - Ketua hubungan diplomatik	
(g) <b>Hulubalang</b>	- Pahlawan	Sungai Raya dan Siantan
(h) <b>Biduanda</b>	- orang suruhan raja - membawa alat kebesaran raja	

## TINGKATAN 1    **BAB 5 KEGEMILANGAN MELAKA**

### 1. **Kesan Hubungan Diplomatik dengan**

**China** (Hasil lawatan Laksamana Yin Ching dan Cheng Ho).

- Negara China **mendapat perdagangan** di Selat Melaka.
- Raja Melaka dapat **pengiktirafan / keselamatan** daripada Raja China (sepesalinalin baju sutera, cop mohor dan payung kuning). Kedaulatan / keselamatan Melaka terjamin.(diiktiraf sbg sebuah kerajaan)
- Melaka berkembang menjadi pusat perdagangan/tumpuan perdagang asing.
- dapat **menguasai Selat Melaka** kerana **mendapat perlindungan daripada** China (**keselamatan** negeri terjamin) dan penghantaran ufti ke Siam ditamatkan. Bebas daripada ancaman Siam dan Majapahit.(Parameswara berfikiran strategik)

### 2. **Bahasa Melayu menjadi Lingua Franca di Kepulauan Melayu kerana merupakan :**

- bahasa rasmi Melaka
- bahasa perantaraan di Kepulauan Melayu

### 3. **Perluasan kuasa Melaka oleh Sultan Mansur Syah dan Muzaffar Syah**

- Kedah, Pattani, dan Beruas **secara sukarela** menjadi jajahan takluk Melaka.
  - campur tangan politik** di negara Parsi sebagai **rakan setaraf** (membantu Parsi mengalahkan Aru & menumpaskan golongan perampas takhta).
  - penaklukan** ke Tanah Melayu, Riau-Lingga, dan pantai timur Sumatera dengan mengarahkan pentadbiran **kawasan pegangan** ini kepada **pembesar sendiri** untuk mendapatkan sokongan taat setia kepada Sultan.
  - perkahwinan politik** menyebabkan Pahang, Kedah, Kampar, Siak, Inderagiri dan Jambi menjadi naungan Melaka.
  - menakluk Siak dan Kampar** untuk mengawal **pengeluaran emas**.
- ### 4. **Ketokohan Bendahara Tun Perak – kepimpinan yang cekap**
- Berwibawa** dan cekap dalam tugasnya – Digelar **pelantik raja** kerana **berkuasa dalam pemilihan raja**.
  - tidak menderhaka (bersifat taat setia) walaupun anaknya, Tun Besar dibunuh oleh Raja Muhammad. Akibatnya, Raja Muhammad dibuang ke Pahang menjadi

- Sultan Pahang kerana Raja Muhammad tidak akan di pilih oleh Tun Perak sebagai waris Sultan Melaka.
- c. kepentingan negara melebihi keperluan keluarga dengan mengarahkan tenteranya membawa bersama keluarga ke medan perang untuk **menaikkan keberanian / semangat** perjuangan tentera.
  - d. **Kepimpinan yang cekap menghadapi serangan** dengan mengikat **beratus-ratus jamung (obor-obor)** pada pokok kelapa untuk **menakutkan tentera Siam**(kemantapan **strategi** yang bijak)
5. **Undang-undang Laut Melaka**
    - a. pegawai kiwi, jurubatu dan malim adalah **pembantu** nakhoda.(nakhoda ialah raja di laut).
    - b. menyebabkan perniagaan berjalan lancar, **selamat**, pelabuhan diurus dengan baik dan menyakinkan pedagang.
  6. **Hukum Kanun Melaka** (Karya Undang-undang digubal semasa pemerintahan S.Muhammad Shah, dilengkapi semasa S.Muzaffar Shah, disusun semasa S.Mahmud Shah)
    - a. hak istimewa Raja
    - b. tanggungjawab raja dan pembesar
    - c. unsur Islam dalam **pentadbiran** secara **musyawarah**.
  7. **Sultan Alauddin Riayat Syah** – kepimpinan melalui teladan dengan menyamar sebagai rakyat dan meronda pada waktu malam untuk menjaga keamanan / **keselamatan**.
  8. **Penyebaran Islam oleh Melaka oleh Sultan Mansur Syah dan Muzaffar Syah** secara:
    - a. penaklukan / peranan raja
    - b. perdagangan (galakkan kepada pedagang asing)
    - c. askar upahan digalakkan
    - d. perkahwinan politik putera-puteri ke Pahang, Kedah, Siak dan Kampar
  - e. pendakwaan oleh ulama ke Pulau Jawa, Kalimantan, Selatan Filipina.
9. **Sultan Mansur Syah dan Muzaffar Syah sangat berminat dalam persoalan agama.**
    - menghantar pembesar ke Parsi untuk mendapatkan jawapan tentang agama.
  10. **Institusi Kesultanan Melaka**
    - a. bertanggungjawab mengembangkan agama Islam di Melaka.
    - b. Istana dijadikan tempat pertemuan ulama, tempat perbincangan, kegiatan intelektual, menterjemahkan kitab Islam dan mempelajari agama Islam.
    - c. **Jurutulis**: mengarang surat rasmi raja, menggubal perjanjian dan guru kepada putera.
    - d. Islam menjadi agama rasmi dan tulisan Arab dijadikan tulisan Jawi.
  11. **Melaka juga digelar “Serambi Mekkah”** - tempat belajar urusan menunaikan Haji sebelum ke Mekkah.
  12. **Islam datang ke Melaka secara :**
    - a. Perkahwinan
    - b. Pendakwaan /Peranan Mubaligh / Ulama
    - c. Perdagangan
  13. **Agama Islam mudah diterima kerana**
    - a. Layanan istimewa daripada pemimpin
    - b. Keutamaan diberi kepada saudara sejawat
    - c. Prinsipnya mudah difahami
  14. **Hikayat Sastera Terjemah di Melaka**
    - Hikayat Amir Hamzah
    - Hikayat Muhammad Ali Hanafiah
    - Hikayat Iskandar Zulkarnian
  15. **Karya Undang-undang di Melaka**
    - Hukum Kanun Melaka
    - Undang-undang Laut Melaka
  16. Hikayat-hikayat digunakan sebagai perantara untuk **menyebarkan agama islam dan memberi pengajaran.**

1. **Tindakan Sultan Muzaffar Syah mengatasi perpecahan dikalangan pembesar golongan Tamil-Islam**

- memujuk Tun Ali meletak jawatannya.
- menceraikan isterinya untuk dikahwin kepada Tun Ali
- melantik Tun Perak sebagai bendahara

2. **Kemerosotan Melaka akibat :**

- perebutan kuasa pembesar / **masalah perpaduan** / pecah-belah (Iktibar Rakyat perlu bersatu padu)
- persaingan kaum Tamil Islam dan Melayu Islam ( iri hati dan fitnah / pilih kasih pemimpin)
- persengketaan pemerintah (menguasai pengaruh ) (Iktibar Bersatu padu dalam masyarakat)

d. **Kelemahan kepimpinan**

- Sultan Mahmud Shah telah membunuh sekeluarga Bendahara Tun Mutahir tanpa usul – periksa setelah difitnah kekayaan beliau melebihi Sultan. Kesannya, kerajaan Melaka menjadi semakin lemah dan perpaduan terjejas. (Pengajaran: Perlu berhati hati dalam tindakan.)

e. **Kedatangan Portugis**

3. a. **Kedatangan Lopez de Sequeira**

- menjalinkan hubungan diplomatik antara Portugal dengan Melaka

b. **Tuntutan Alfonso kepada Sultan Muhd Syah**

- dibebaskan tawanan Portugis
  - dibayar ganti rugi
  - dibenarkan membina kubu di Melaka
- c. (Melaka jatuh diserang oleh Portugis apabila tuntutan tidak dipenuhi oleh Sultan Muhamad Shah) Sultan Melaka kehilangan kedaulatan negeri / menjadi jajahan takluk Portugis.

4. **Rakyat Melaka bersatu padu merampas balik jambatan penting yang diserang**

oleh Portugis.

5. **Buku Hikayat Muhammad Ali Hanafiah** mengisahkan keberanian pahlawan dan dijadikan bahan cerita semasa Portugis menyerang Melaka untuk **menaikkan semangat juang** askar untuk mempertahankan Melaka.

6. **Faktor – faktor kejatuhan Melaka.**

- Portugis menerima rahsia ketahanan daripada **Si Kitol**. (Iktibar: **setia kepada negara**.)
- Penggantungan kepada askar upahan yang melarikan diri / berpaling tadah / tidak terlatih.
- Senjata mundur / tradisional.
- Perpecahan masyarakat Melayu Islam dan Tamil Islam (Perpaduan terjejas).
- Bantuan beberapa tongkang daripada pedagang Cina kepada Portugis.
- Rebutan kuasa pembesar tempatan / masalah perpaduan.

7. **Faktor-faktor kejayaan Portugis menakluk Melaka:**

- Tentera terlatih
- Kepimpinan Alfonso
- Bantuan tongkang dari luar (orang Cina)
- Senjata moden/meriam dapat menembak jarak jauh.
- Berjaya menguasai jambatan Sungai Melaka.

8. **Kekuatan Portugis selama 130 tahun di Melaka kerana**

- kekuatan kubu A'Famosa

9. Pedagangan asing berpindah ke pelabuhan Aceh, Patani, Batam dan Brunei kerana dasar perdagangan Portugis berubah iaitu mengenakan cukai tinggi di Melaka.

10. **Tujuan kedatangan Portugis ke Timur.**

- galakan Putera Henry / Kemegahan (Glory)
- Meyebarkan agama Kristian (Gospel)

- c. Menguasai ekonomi perdagangan rempah(Gold) dengan menguasai Selat Melaka.
- d. Membalas dendam (lanjutan perang Salib)
- e. Politik

mempertahankan kedaulatan bangsa selepas kejatuhan Melaka.(berusaha mendapat Melaka semula)

Melaka → Pagoh → Muar → Pahang → Bentan → Kampar
---

11. Pergerakan Sultan Mahmud Shah berusaha

## TINGKATAN 1

## BAB 7 JOHOR MENEGAKKAN SEMULA KEWIBAWAAN KESULTANAN MELAKA

1. **Faktor-faktor kebangkitan Johor (kurun ke-16&17 ) sebagai pusat perdagangan antarabangsa, pusat persuratan Melayu, pusat pengajian Islam dan pangkalan tentera kerana**
  - a. kejatuhan Potugis di Melaka
  - b. kemerosotan Aceh
  - c. persahabatan dengan Belanda / bantuan belanda (Belanda memberi **keistimewaan / kemudahan perdagangan** di Selat Melaka kepada Johor kerana membalas jasa Johor membantu Belanda menyerang Potugis di Melaka)
  - d. **kewibawaan/kecekapan/kebijaksanaan pemerintah Johor, kemudahan perdagangan / perkembangan persuratan.**
  - e. **kekuatan angkatan perang dan kemudahan perdagangan**
  - f. Johor mengamalkan sistem naungan untuk menjaga keselamatan pedagang asing **dan** mengamalkan undang-undang laut Melaka.
2. **Perang Tiga Segi (selama 100 tahun)**
  - a. antara **Johor, Portugis dan Aceh** yang hendak **merebut jalan perdagangan di Selat Melaka** (Johor bergabung dengan aceh menyerang potugis. Kesannya portugis menyerang Johor. Johor bergabung dengan portugis menyerang Aceh. Kesannya Aceh menyerang Johor)
  - b. **Ibu negeri Johor berpindah sebagai strategi ketahanan/peperangan kerana ancaman luar.** Ibu kota Johor berpindah untuk mengelakkan serangan Aceh dan Portugis. (**Sayung Pinang → Johor Lama → Kota Tinggi → Batu Sawar**)
  - c. Perang Tiga Segi berakhir apabila Johor bergabung dengan Belanda dan berjaya mengalahkan Portugis di Melaka.(merampas semula Melaka)
  - d. Hasilnya, perdagangan Johor maju kerana Belanda memberi keistimewaan perdagangan kepada Johor.
3.
  - a. Pelantikan Bendahara Tun Abdul Jalil sebagai Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV memulakan kesultanan Johor daripada keturunan **Bendahara.**
  - b. **Orang Bugis** menguasai Johor **secara berkahwin** dengan puteri Johor, **mencampuri urusan pentadbiran Johor dan menyebabkan kemerosotan kerajaan Johor.**
  - c. Pembesar Johor meminta bantuan Belanda untuk mengusir orang Bugis dari Riau.(Iktibar: bersifat patriotisme mempertahankan ketuanan/kedaulatan bangsa)
  - d. Raja Sulaiman, putera Sultan Abdul Jalil berpakat dengan anak raja Bugis lima bersaudara untuk mengusir Raja Kechil bagi mendapatkan semula kuasa dengan syarat orang Bugis menjadi Yamtuan Besar.



4. **Orang Laut** - bertugas sebagai penunjuk arah, pengawal pelabuhan dan pendayung kapal.
  - meninggalkan Johor apabila Johor dikuasai orang Bugis
5. **Ketokohan Tun Sri Lanang** (Bendahara Johor)
  - a. menulis buku sejarah Melayu
  - b. menyusun ketahanan Johor daripada serangan Aceh dan Portugis
  - c. menawan semula Melaka daripada Portugis (berusaha mengekalkan kedaulatan)
  - d. menghantar utusan ke Goa untuk berunding dengan Portugis
  - e. membuat perjanjian dengan Admiral Matelief untuk mempertahankan Johor daripada Aceh.
6. Johor dapat mengumpul pelbagai bekalan barangan dagangan dan askar dari jajahan takluk yang luas seperti Klang sehingga Singapura, Bangkalis, Kampar, Siak, Jambi dan Rakan.
7. **Sebab Kemerosotan Johor:**
  - **Perang Johor-Jambi**
    - i. Jambi merupakan jajahan takhluk Johor
    - ii. Muncul sebagai sebuah negara kuasa politik dan ekonomi
    - iii. Berusaha mendapatkan kebebasan daripada Johor
  - Perebutan kuasa antara Bendahara Tun Abdul Jalil dengan Raja Kechil.
  - penglibatan Bugis
  - pengaruh Syarikat Hindia Timur Belanda (V.O.C)
8. **Kebangkitan Aceh**
  - menjadi kuasa politik dan ekonomi yang kuat semasa kebijaksanaan pemerintahan Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam kerana telah menguasai perdagangan di Selat Melaka.
  - menguasai perdagangan di Selat Melaka
  - menyerang Perak, Pahang dan Kedah
  - menawan Johor dan berkuasa menentukan bakal Sultan Johor.
  - menakluk Pedir dan Pasai untuk menguasai perdagangan **lada hitam/rempah.**
9. Hasil Karya Johor ialah Hikayat Hang Tuah dan Sejarah Melayu.


## TINGKATAN 1

## BAB 8 KERAJAAN NEGERI-NEGERI MELAYU

1. NNM megamalkan pembahagian pentadbiran kampung → Daerah → Negeri untuk menjamin keberkesanan pelaksanaan arahan.

2.

## Kerajaan Melayu



1. a. Penggunaan **mata wang** Tradisional penting untuk **kegiatan perdagangan / entreport**.
  - Sebelum mata wang logam diperkenalkan, siput gerus dan geweng digunakan.
- b. Contoh-contoh mata wang ialah:
  - Tampang Buaya (di Selangor)
  - Bidor (di Perak)
  - Ayam jantan (di Kedah)
  - Mas dan Kupang (di Johor)
  - Duit emas, Pitis dan Jokoh (Terengganu)
2. Sastera Lisan seperti Cerita Jenaka, Penglipur Lara dan Binatang adalah berbentuk **hiburan dan pengajaran**.
3. Kegiatan perdagangan Orang Melayu merosot pada kurun ke-19 kerana kegiatan perdagangan dibolot oleh Kuasa Barat.
4. Pendidikan awal (tidak formal) mementingkan agama, kehidupan masyarakat, pembentukan akhlak, adat, pertukangan tangan dan **asas kemahiran** untuk berdikari bukan pencapaian akademik.
5. Ukuran **jarak** jauh masyarakat Tradisional Melayu ialah seperti **sepelaung, sepekan atau setanak nasi**.
6. Ukuran **panjang** ialah **hasta, depa, dan jengka**.
7. Ukuran **berat** ialah **cupak, gantang, tahil dan kaul**.
8. **Cukai Kepala** – dikenakan ke atas rakyat untuk membuat bunga emas oleh Kedah, Terengganu dan Kelantan.
9. **Sistem Serah** – memberi **sebahagian daripada hasil tanaman** kepada pemerintah.
10. **Sistem Kerah** – dipaksa bekerja tanpa upah. Rakyat ikut perintah Sultan.
11. **Nobat (alat muzik diraja)** digunakan semasa Upacara pertabalanan, kemangkatan dan keberangkatan raja ke balairung seri.
12. **Kegiatan pertanian** menggunakan peralatan **tenggala, penggelek, pencakar, penyisir & kuku kambing**.
13. **Kegiatan perikanan** menggunakan peralatan serkap, tangguk dan tanggul.
14. **Upacara menjunjung duli** dilakukan oleh pembesar sebagai tanda hormat dan taat kepada Raja.
15. **Sembah** – bermaksud dibawah jajahan (terdapat perbezaan taraf)
16. **Bendera putih** menunjukkan kemangkatan Raja.
17. **Cop Mohor diraja** – memperkukuhkan **kedaulatan** pemerintah dan sebagai lambang surat rasmi kerajaan.
18. **Undang bertulis** - Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka.
19. **Denai penarikan** -jalan pendek yang perahu terpaksa ditarik untuk sampai ke sungai (menghubungkan Pahang dan Melaka).
20. **Hasil Seni Tekat** ialah kipas, bantal dan balutan tepak sirih.
21. **Tengkolok, cap mohor dan Keris** - alat kebesaran di raja melambangkan kedaulatan.

1. **Sistem keadilan orang Kadazan** (untuk menjamin kesejahteraan / mengeratkan hubungan)

Jenis jenayah	Bentuk ganti rugi dinamakan
Perbuatan sumbang	Kepanasan
Melakukan pergaduhan	Babas
Merosakkan harta benda	Sogit

b. **Malapetaka** seperti wabak penyakit akan menimpa sekiranya undang-undang tidak dipatuhi.

2. **Rumah panjang**

- i. petempatan bagi masyarakat suku kaum Iban, Bidayuh, Kenyah, Kayan, dan Kadazan
- ii. **Satu unit perkampungan**, bersatu padu, keluarga besar, aman damai dan **bertoleransi**.
- iii. ketua dipanggil **Tuai Rumah** berfungsi:
  - a. Menetapkan hari perayaan / pesta menuai / perayaan ‘Beranyi’.
  - b. Menjaga keamanan
  - c. Menyelesaikan masalah anak buahnya.

3. **Alat muzik Tradisional masyarakat**

- a. **Gulieng** – Serunai orang Iban
- b. **Bilikan** – alat muzik orang Iban
- c. **Kaloree** – alat muzik orang Penan

Kaum/etnik	Adat dan Peraturan
a. <b>Iban</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- mengamalkan amalan menyemah tanah dan <b>tidak membina rumah</b> apabila terdengar bunyi <b>burung Ketupung</b> atau <b>burung Beragai</b>.</li> <li>- <b>Tajau</b> (pasu, gong atau tempayan) di simpan turun-temurun, dianggap suci, bernilai, dihormati dan berfungsi sebagai harta simpanan (diperolehi secara tukar barang.)</li> <li>- Merayakan pesta menuai (Hari Gawai) dengan tarian Ngajat tanda kesyukuran. (Terdapat Gawai Burung, Batu, Kenyalan dan Antu)</li> </ul>
b. <b>Kayan, Kelabit, Kenyah</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Menindik telinga (kecantikan)</li> <li>- Melukis tatu/mencacah badan</li> <li>- mengantung kalung pada telinga</li> </ul>
c. <b>Melanau</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Merayakan perayaan Kaul untuk menjamu Ipok yang mengawal laut (mendapat tangkapan yang baik/memuaskan, selamat dan mengelakkan penyakit.)</li> </ul>
d. <b>Orang Melayu beragama Islam</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- <b>Tradisi Bergendang</b>- lelaki menari tetapi perempuan bermain gendang sambil berpantun.</li> </ul>
e. <b>Orang Penan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- mempunyai <b>kepercayaan kolot</b> - tidak boleh hidup menetap, setiap kali berpindah apabila berlaku kematian.</li> <li>- dilarang menebang pokok besar atau melapangkan hutan.</li> <li>- tinggal di pendalaman hutan</li> </ul>

5. **Hari Gawai** (Pesta Keamatan) – upacara **kesyukuran** selepas menuai padi.

6.	Pribumi/Etnik	Kegiatan Berlainan	Kegiatan ekonomi pribumi /etnik dipengaruhi oleh <b>sumber alam, bentuk muka bumi dan petempatan. Tiada perpaduan dan mengukuhkan kuasa permerintahan.</b>
	<b>i. Iban</b>	Padi huma/berburu	
	<b>ii. Kelabit</b>	Memungut hasil hutan/berburu/bersawah (beras Bario)	
	<b>iii. Melanau</b>	Petani / Menangkap ikan di pantai / sagu (lemantak)	
	<b>iv. Bidayuh</b>	Melombong antimoni/padi huma /peladang	
	<b>v. Murut</b>	Lada hitam	
	<b>vi. Melayu</b>	menanam padi dan kelapa/menjadi peniaga kecil-kecilan	

7. Pelbagai etnik dapat hidup berharmoni kerana sikap bertoleransi .

## TINGKATAN 1 BAB 11 SABAH

### 1. Bajau di Sabah

- penunggang kuda yang cekap / pahlawan berani
- suka amalan bergotong-royong
- mengamalkan upacara ngeduang (bertukar-tukar makanan pada Hari Raya).

2.	Pribumi	Ekonomi	Kegiatan Ekonomi di Sabah dipengaruhi oleh <b>kedudukan geografi / bentuk muka bumi / keadaan sekeliling / petempatan</b>
a.	Kadazan	Menanam padi	
b.	Bajau	Pelaut, nelayan	
c.	Rungus	Petani	
d.	Murut	- memungut hasil hutan - mempercayai Aki Kopuno	

3. **Pendidikan tidak formal** Sabah mementingkan **asas kemahiran untuk berdikari** seperti mendaki, memburu dan memanjat.

4. **Ketua Kampung** digelar **Orang Tua** menjaga keharmonian masyarakat dan menguatkuasa undang-undang adat.

5. **Pasar Tamu** – pelbagai etnik bertemu untuk berdagang, mengeratkan perpaduan dan semangat muhibah / harmoni.

6. **Berkahwin pada bulan terang (pada 14 dan 15 hari bulan Hajirah)** untuk kemurahan rezeki.

7.	Kaum/Etnik	Tarian	Tujuan
a.	<b>Murut</b>	Magunatip	menyambut Hari Magavau/memuja semangat padi
b.	<b>Khadazandusun</b>	<b>Sumazau</b>	<b>menyambut pesta menuai</b> /perayaan/majlis
c.	<b>Murut</b>	Mengalang	menyambut tetamu/pindah rumah /Hari Monggotom (pesta menuai padi)
d.	<b>Bajau</b>	Limbai	

8. Kebanyakan alat muzik di Sabah diperbuat daripada buluh seperti Bas, Suling, Sompoton dan gobana.